



ديوان بهاس دان قوستاک

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

<http://www.dbp.gov.my>

BAHASA ROJAK

PEMBUNUH JIWA BANGSA

Persoalan tentang bahasa tidak akan ada titik noktahnya kerana bahasa sentiasa berkembang dan berubah sesuai dengan kehidupan dan perubahan budaya dalam kehidupan manusia sehari-hari.

Bahasa Melayu turut mengalami pertambahan perkataan yang baharu pada setiap tahun. Hal ini menunjukkan bahawa bahasa itu sentiasa berevolusi. Buktinya, semasa pandemik COVID-19 pada tahun 2020 dan tahun 2021 sahaja telah melahirkan banyak istilah baharu. Kebanyakan istilah ini digunakan dalam bidang kesihatan awam yang perkataan asalnya daripada bahasa Inggeris.

Sememangnya evolusi bahasa itu mempunyai sudut positif yang memberikan manfaat kepada kita. Walau bagaimanapun, bahasa rojak yang semakin kerap digunakan oleh masyarakat dalam pertuturan dan penulisan menyebabkan evolusi bahasa itu sendiri menjadi sesuatu yang negatif. Menurut Awang Sariyan (2021) dalam penulisan

beliau, penggunaan bahasa rojak dalam perhubungan tidak rasmi, seperti perbualan mempunyai kurang buruknya kerana audiens yang terhad. Namun begitu, apabila digunakan dalam situasi rasmi yang melibatkan penggunaan media, penggunaan bahasa rojak ini meninggalkan kesan buruk yang berganda. Sekiranya bahasa rojak ini digunakan oleh orang ternama seperti pemimpin dan tokoh dalam bidang tertentu, perkara ini akan mendorong sebahagian anggota masyarakat untuk meniru tabiat itu. Lambat-laun bahasa rojak ini akan dianggap sebagai hal yang lumrah. Hal ini amat berbahaya bagi usaha memantapkan sesuatu bahasa.

Generasi kini yang sering menggunakan bahasa rojak akan memberikan kesan negatif kepada bahasa kebangsaan kita. Di Malaysia, bahasa Melayu menjadi alat untuk memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat yang berbilang kaum tanpa mengira latar belakang dan perbezaan warna kulit. Dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan sudah termaktub bahawa kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara Malaysia (Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67, 2006) dan dua slogan Bahasa

Jiwa Bangsa dan Bahasa Menunjukkan Bangsa yang merupakan peribahasa Melayu bertujuan untuk menanam pegangan dan jati diri dalam kalangan masyarakat Malaysia. Penggunaan bahasa rojak bukan sahaja bertentangan dengan Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan, malah mampu menjatuhkan martabat bahasa Melayu itu sendiri.

Usaha gigih wajar dilaksanakan untuk memartabatkan bahasa ibunda kita dan membanteras bahasa rojak. Sesuai dengan peralihan zaman, karya-karya berunsurkan bahasa tidak boleh kekal di takuk lama, iaitu hanya berasaskan buku dan majalah. Media massa perlu digunakan sepenuhnya untuk memartabatkan bahasa Melayu. Masyarakat kini terdedah kepada media massa khususnya golongan belia. Rancangan televisyen, filem dan drama yang menggunakan bahasa rojak dan bahasa singkatan akan menjadi ikutan golongan belia. Dapat kita lihat sendiri apabila filem-filem yang menggunakan bahasa rojak menjadi ikutan golongan belia kerana bahasa yang digunakan terlihat disokong oleh mereka. Perkataan-perkataan baharu yang tidak pernah didengari sebelum ini, menjadi ikutan golongan belia kerana terpengaruh. Oleh sebab itu, rancangan televisyen yang mengandungi penggunaan bahasa rojak yang melampau seharusnya dihadkan siarannya dalam kaca televisyen. Filem, drama atau rancangan realiti yang menggunakan bahasa rojak seharusnya ditapis terlebih dahulu sebelum disiarkan. Hasilnya, gejala ini dapat diatasi melalui peranan yang dimainkan oleh media massa.

Peranan ibu bapa juga penting dalam mematahkan penyebaran bahasa rojak ini. Ibu bapa perlu mendidik anak mereka sejak kecil lagi dengan bahan bacaan yang cukup sifat tatabahasanya. Hal ini mampu mempengaruhi minat dan cara anak-

anak mereka dalam bertutur dan menulis. Persekitaran itu sangat mempengaruhi minda anak-anak. Dalam zaman yang serba canggih ini, anak-anak didedahkan dengan pelbagai perkataan-perkataan yang tidak mantap dalam bahasa Melayu melalui penulisan dan perbualan seharian. Sekiranya ibu bapa tidak mengambil langkah yang proaktif, masa depan bahasa kita akan musnah. Sebagai contoh, ibu bapa boleh menyediakan pelbagai bahan bacaan yang berbentuk ilmiah di rumah, di samping menekankan aspek penggunaan bahasa dengan betul kepada anak-anak mereka sejak kecil agar mampu bertutur dengan bahasa yang betul dan tidak terpengaruh dengan bahasa rojak bak kata pepatah "melentur buluh biarlah dari rebungunya".

Pihak sekolah juga tidak terkecuali dalam menalakan tanggungjawab mereka dalam mengekang penyebaran bahasa rojak. Pihak sekolah terutamanya guru haruslah menjadi suri teladan kepada pelajar di sekolah. Guru-guru termasuklah guru yang mengajar subjek Bahasa Melayu perlu mendedahkan pelajar kepada kesalahan tatabahasa yang dilakukan dalam perbualan seharian agar pelajar tersebut dapat menggunakan tatabahasa yang baik dan betul. Guru juga perlu memastikan mereka menguasai pengetahuan bahasa yang lebih tinggi daripada pelajarannya agar mampu mendidik pelajar dengan sempurna. Penguasaan bahasa ini membolehkan para pelajar

memperoleh pengetahuan tentang tatabahasa, sekali gus dapat memperbaiki kesalahan yang mereka sering lakukan semasa berbual ataupun menulis. Selain itu, pihak sekolah juga perlu menganjurkan aktiviti yang berkaitan dengan bahasa. Sebagai contoh, mengadakan pertandingan seperti deklamasi sajak, pidato, kuiz bahasa, menulis sajak dan aktiviti lain yang sesuai. Program bahasa yang dianjurkan bukan sahaja dapat meningkatkan pengetahuan dan pemahaman pelajar tentang kemahiran dan penggunaan bahasa, malah turut mencungkil bakat yang terpendam dalam diri pelajar. Secara langsung, program bahasa ini juga mampu menyemai semangat cinta akan bahasa dalam diri para pelajar.

Intinya, usaha dari semua pihak amat diperlukan untuk membanteras bahasa rojak ini daripada terus menular. Masyarakat perlu memainkan peranan masing-masing dengan menjayakan pelbagai inisiatif yang mampu memelihara martabat bahasa kita. Bahasa merupakan satu daripada kunci perpaduan di negara kita. Jika dibiarkan sahaja bahasa rojak terus bermaharajalela, sudah tentu makna dan konteks asal sesuatu ayat atau perkataan itu hilang dan mampu menimbulkan salah faham dalam kalangan masyarakat. Keaslian bahasa Melayu perlu sentiasa dipelihara agar mampu kekal sebagai bahasa komunikasi di negara ini. Oleh hal yang demikian, sama-samalah kita menjaga bahasa kita agar kedudukannya sebagai *lingua franca* kembali sekali lagi di persada dunia. □

